

## **ANALISIS KESALAHAN PENGGUNAAN HURUF KONSONAN DALAM PENULISAN PELAJAR ANTARABANGSA CHINA** *(Analysis Of The Use Of Consonant Letters In The Writing Of Chinese International Students)*

Nurul Atiqah Md Suhada\*, Amirul Mukminin Muhammad, Daing Zairi Ma'arof & Sofia Ayup

### ABSTRAK

*Dalam proses mempelajari bahasa kedua, aspek lisan dan penulisan merupakan aspek penting yang perlu diambil kira oleh pelajar. Kedua-dua aspek ini merupakan kemahiran yang boleh dinilai untuk mengukur kemampuan pelajar menguasai sesuatu bahasa baharu itu. Sehubungan dengan itu, penawaran kursus bahasa Melayu kepada pelajar antarabangsa di UKM juga menitikberatkan bentuk penilaian yang menyentuh kedua-dua aspek tersebut. Hal ini demikian kerana, penguasaan kemahiran penulisan adalah aspek penting khususnya dalam proses menulis perkataan dan seterusnya membina ayat yang betul. Walau bagaimanapun, aspek penulisan juga merupakan kemahiran yang sukar dikuasai oleh pelajar yang melibatkan penguasaan ejaan dan kosa kata bahasa Melayu. Oleh itu, kajian ini adalah bertujuan untuk mengenal pasti dan menganalisis kesalahan tatabahasa yang dilakukan oleh pelajar dalam aspek penulisan yang melibatkan huruf konsonan. Reka bentuk kajian yang digunakan ialah reka bentuk kualitatif yang menggunakan pendekatan kaedah pemerhatian dan kaedah analisis teks. Instrumen yang digunakan dalam kajian ini ialah teks penulisan pelajar yang mengikuti kursus bahasa Melayu khususnya pelajar antarabangsa dari negara China. Hasil dapatan kajian mendapati wujudnya kesalahan tatabahasa khususnya penggunaan huruf konsonan dalam perkataan. Kesalahan ini telah dikategorikan kepada beberapa kategori iaitu pertukaran konsonan, pengguguran konsonan, perubahan kedudukan konsonan, penambahan konsonan dan pertukaran konsonan kepada huruf vokal. Bentuk-bentuk kesalahan ini membuktikan bahawa pelajar antarabangsa China menghadapi dan mengalami kesukaran untuk menentukan huruf konsonan yang terlibat dalam sesuatu perkataan kerana kekeliruan perbezaan penyebutan huruf konsonan. Oleh itu, kajian menyarankan agar lebih banyak aspek kesalahan tatabahasa yang boleh dikaji oleh pengkaji bahasa agar pelajar bahasa baharu lebih cakna dan berhati-hati ketika menulis.*

*Kata kunci : China; kesalahan huruf konsonan; tatabahasa; penulisan pelajar; penilaian*

### ABSTRACT

*In the process of learning a second language, oral and written aspects are important aspects that must be taken into account by students. both of these aspects are skills that can be assessed to measure the student's ability to master a new language. in relation to that, the offering of malay*

*language courses to international students at UKM also emphasizes the form of assessment that touches on both aspects. this is because mastery of writing skills is an important aspect especially in the process of writing words and then building correct sentences. However, the writing aspect is also a skill that is difficult for students to master which involves the mastery of spelling and Malay vocabulary. Therefore, this study aims to identify and analyze grammar mistakes made by students in aspects of writing that involve consonant letters. The research design used is a qualitative design that uses an observation method approach and a text analysis method. The instrument used in this study is the written text of students who follow Malay language courses, especially international students from China. The results of the study found the existence of grammatical errors, especially the use of consonant letters in words. These errors have been categorized into several categories, namely the exchange of consonants, dropping consonants, changing the position of consonants, adding consonants and changing consonants to vowels. These types of errors prove that Chinese international students face and experience difficulty in determining the consonant letters involved in a word due to the confusion of the difference in the pronunciation of consonant letters. Therefore, the study suggests that more aspects of grammatical errors can be studied by language researchers so that new language learners can be more careful and careful when writing.*

*Keywords : China; consonant letter errors; grammar; student writing; assessment*

## PENDAHULUAN

Proses pembelajaran bahasa kedua bukanlah satu proses yang mudah. Hal ini kerana, bahasa kedua merupakan bahasa baharu dan harus dipelajari secara formal dan tidak berlaku secara semula jadi. Corder (1981) menyatakan bahawa kesalahan bahasa berlaku disebabkan oleh penukaran atau kehilangan sesuatu bahagian ujaran seperti bunyi, morfem, perkataan, dan rangkaian kata. Beliau juga menjelaskan bahawa kesalahan juga berlaku akibat kekurangan pengetahuan tentang kaedah pengajaran dan pembelajaran di samping kegagalan mengaplikasikan penggunaan bahasa dengan konteks yang tepat. Hal ini terjadi kerana, pengetahuan pelajar tentang bahasa tersebut sangat terbatas dan kurang pengetahuan. Menurut Zamri (2007) “Para pelajar mempelajari bahasa kedua melalui komunikasi dengan masyarakat setempat dan juga secara formal di dalam kelas melalui pembelajaran.”

Walaubagaimanapun, proses pembelajaran bahasa kedua ini semestinya mempunyai halangan dan gangguan. Kerangka Standard Bahasa Melayu (KSBM) menggariskan beberapa peringkat pemerolehan penguasaan bahasa. Salah satu aspek yang harus ada dalam proses pengajaran bahasa ialah menulis. Oleh yang demikian, UKM telah mewujudkan satu kursus bahasa Melayu Antarabangsa yang wajib diambil oleh pelajar antarabangsa dan merupakan kursus peringkat permulaan atau asas. Aspek penulisan merupakan aspek yang ditekankan dalam pengajaran bahasa Melayu. Pelajar yang terlibat dalam kajian ini merupakan pelajar China yang mengambil kursus bahasa Melayu. Kajian ini akan melihat kesilapan yang dilakukan oleh pelajar dalam aspek penulisan melibatkan huruf konsonan.

Nik Safiah Karim (2004) menyatakan bahawa kemahiran menulis merupakan kemahiran yang agak sukar bagi guru yang mengajar dan pelajar yang belajar. Hal ini kerana, kemahiran menulis memerlukan tahap literasi dan proses kognisi yang baik (Van de Kopple et. al. dlm. Roselan 2003). Demikian juga halnya dengan pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu

sebagai bahasa asing. Universiti Kebangsaan Malaysia merupakan salah satu universiti yang menawarkan kursus Bahasa Melayu kepada pelajar antarabangsa baik pelajar di peringkat prasiswazah mahupun di peringkat pascasiswazah. Taraf kursus ini juga adalah wajib dan merupakan sebahagian syarat bergraduasi.

### Ulasan Kosa Ilmu

Melalui kajian yang dijalankan ke atas pelajar dari China pula mendapati banyak kesilapan sebutan yang berlaku kerana pelajar membunyikan perkataan bahasa Inggeris ke dalam perkataan bahasa Melayu dan mereka tidak memahami maksud perkataan yang disebut. Hal ini demikian kerana para pelajar hanya menghafal perkataan tersebut tanpa cuba untuk memahami makna perkataan yang dipelajari (Alice, 2015). Selain itu, Zeckqualine dan Dayang Nurlisa (2020) dalam kajiannya terhadap kesalahan penggunaan bahasa pelajar di Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) telah mendapati sebanyak 215 kesalahan bahasa yang telah dikenal pasti yang merangkumi aspek morfologi dan aspek sintaksis dengan kesalahan ortografi mencatatkan kekerapan yang paling tinggi, iaitu 76%.

Muhammad Faizul Abd. Hamid, Daniel Salleh Mokhtar dan Rohaidah Haron (2002) pula menjalankan kajian yang melibatkan analisis kesalahan tatabahasa dalam teks Perutusan Khas Perintah Kawalan pergerakan (PKP). Kajian yang dilakukan memfokuskan tentang kesalahan ejaan bahasa Melayu dan tanda baca. Teks yang dikaji merupakan teks yang diperoleh daripada laman sesawang Jabatan Perdana Menteri. Terdapat beberapa kesalahan yang ditunjukkan dalam teks tersebut iaitu kesalahan ejaan bahasa Melayu merangkumi, kesalahan ejaan kata nama yang merujuk maksud jamak, kesalahan ejaan kata majmuk, kesalahan ejaan kata bilangan, kesalahan ejaan imbuhan pinjaman dan kesalahan ejaan kata partikel.

Azlan Shaiful Baharum, Rosni Samah & Asma Abdul Rahman (2022) menjalankan kajian melibatkan pelajar bukan penutur bahasa Arab di Universiti Sains Islam Malaysia. Kajian yang dilakukan memfokus kepada kesalahan Ortografi dan implikasi dalam penulisan esei pelajar dan kekerapan kesalahan tersebut dilakukan. Pengkaji memfokuskan tiga aspek utama iaitu persepsi pelajar terhadap jenis kesalahan, faktor berlakunya kesalahan dan kesan yang terhasil daripada kesalahan tersebut. Menurut pengkaji lagi, setiap pelajar mempunyai kesalahan yang berbeza ketika penulisan. Hal ini kerana, setiap individu mempunyai pengalaman yang berbeza dan memberi kesan kepada penulisan dan penguasaan yang berbeza.

Kesimpulannya, berdasarkan kajian-kajian lepas menunjukkan bahawa pelajar menghadapi masalah kesilapan ortografi dan morfologi semasa menguasai bahasa kedua. Lantaran itu, kajian lanjutan perlu dijalankan untuk mengenal pasti kesalahan ortografi dan morfologi dalam penulisan esei bagi penutur asing.

### METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini akan memfokuskan tentang kesalahan penggunaan huruf konsonan dalam teks penulisan pelajar antarabangsa China. Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif melalui reka bentuk analisis kesalahan bahasa. Kajian ini menganalisis konstruk kesalahan penggunaan huruf konsonan yang dikenal pasti dalam draf penulisan pelajar daripada aspek tatabahasa. Dalam kajian ini, analisis kesilapan merupakan aspek penting dalam menentukan dapatan kajian. Menurut Corder (1974), kesilapan adalah bersifat signifikan yang memiliki makna tertentu sama ada untuk pelajar atau pengajar itu sendiri. Selain itu, kesilapan yang kerap dilakukan oleh pelajar dalam hal yang berkaitan

penulisan dan pertuturan dikatakan berpunca daripada fokus dan penumpuan yang tidak sepenuhnya oleh pelajar; lebih-lebih lagi apabila faktor keletihan dan kecuaiian turut menyumbang kepada bentuk kesilapan yang dilakukan (Richards et. al. 1992). Walau bagaimanapun, kesilapan yang dilakukan oleh pelajar juga boleh dikatakan sebagai strategi pembelajaran bahasa baharu oleh pelajar antarabangsa.

Analisis kesilapan menjadi pendekatan utama yang digunakan dalam analisis ini menerangkan tentang bentuk kesalahan yang dilakukan oleh pelajar bahasa asing amnya dan pelajar antarabangsa dari negara China khususnya. Oleh itu, analisis ini penting dalam membuktikan kewujudan kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh pelajar yang boleh dijadikan sebagai bukti empirikal melalui pemerhatian analisis.

Berdasarkan analisis kesilapan ini, boleh dikenal pasti bentuk-bentuk kesalahan yang dilakukan oleh pelajar selain melihat faktor-faktor yang mewujudkan keadaan sedemikian. Biasanya, antara faktor berlakunya keadaan sedemikian adalah kerana faktor 'intralingual' bahasa itu sendiri. Faktor ini disebabkan oleh sifat bahasa itu yang 'membangun' atau sentiasa berubah mengikut perkembangan semasa atas sebab-sebab tertentu seperti pinjaman daripada bahasa asing, ketiadaan perkataan dalam bahasa asal dan lain-lain lagi. Kesilapan dalam mengeja dan menggunakan perkataan membuktikan kesulitan yang dihadapi oleh pelajar dalam menanggapi sesuatu makna kata-kata tertentu selain wujudnya kata-kata baharu yang diterjemah daripada bahasa bukan bahasa Melayu Malaysia walaupun dalam rumpun yang sama.

#### Instrumen Analisis

Instrumen utama yang digunakan dalam kajian ini ialah draf penulisan pelajar yang menjadi salah satu daripada keperluan penilaian kursus. Berdasarkan draf penulisan pelajar ini, analisis tentang kesalahan ortografi bahasa Melayu dilakukan.

### DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Berdasarkan dapatan kajian, pengkaji telah mengenal pasti beberapa kesalahan penggunaan huruf konsonan dalam teks penulisan pelajar antarabangsa. Pelajar didapati telah mengubah huruf konsonan dengan melakukan beberapa perubahan terhadap huruf konsonan iaitu melakukan penggantian, pengguguran, perubahan kedudukan dan penambahan huruf konsonan. Dalam bahasa Melayu, hanya terdapat beberapa konsonan yang berbeza aspek bunyi dan sebutan dengan bahasa Inggeris. Konsonan /c/ dalam bahasa Inggeris, contohnya, akan disebut sebagai konsonan /k/ seperti yang terdapat dalam bahasa Melayu.

Keadaan ini berbeza bunyinya dengan bahasa Melayu yang mana konsonan /c/ disebut sebagai 'ch'. Kehadiran konsonan yang berbeza ini kadang kala menyukarkan pelajar apabila menyebut kerana pelajar cuba membunyikan perkataan tersebut berpandukan sebutan yang terdapat dalam bahasa Inggeris. Keadaan ini sama sekali berbeza apabila melibatkan penulisan kerana dalam penulisan, ejaan bahasa Melayu memerlukan ketepatan ejaan dan tidak boleh sama sekali mengikut bunyi dalam bahasa lain. Hakikatnya, sistem ejaan yang diguna pakai di Malaysia sehingga kini adalah bersandarkan Sistem Ejaan Baharu Bahasa Malaysia (Abdul Hamid Mahmood 2007)

Berdasarkan analisis yang dilakukan terhadap draf penulisan pelajar didapati bahawa penggantian berkenaan bukan sahaja berlaku pada huruf vokal tetapi turut melibatkan huruf konsonan. Walau bagaimanapun, trend penggantian huruf konsonan berlaku secara tidak statik, tetapi dalam keadaan berselerak. Pada masa yang sama, terdapat kesalahan lain yang dikenal pasti

telah berlaku dalam penulisan pelajar ialah pengguguran, perubahan kedudukan dan penambahan huruf konsonan dalam perkataan. Jadual 1 berikut merupakan antara kesalahan penggunaan konsonan yang kerap berlaku dalam draf pelajar dianalisis, iaitu:

Jadual 1 Penggantian, pengguguran, perubahan kedudukan dan penambahan huruf konsonan

Keadaan	Ejaan Sebenar	Kesalahan
Pertukaran huruf konsonan	tinggal	ginggal
	penduduk	penduluk
	kegemaran	kegemanan
	tujuh	tutuh
	fakulti	faculti
	tempat	tenpat
	bapa	baba
Pengguguran huruf konsonan	nama	mama
	bahasa	bahama
	kasih	kasi
	cikgu	cigu
	bandar	banda
Perubahan kedudukan huruf konsonan	tempat	empat
	putih	puti
	enam	enma
Penambahan konsonan	menarik	nemarik
	isteri	itseri
	juta	junta
	pelajar	pelarjar
	makanan	makannan
	negara	negrara
	rasmi	rasmmi

Berdasarkan Jadual 1 di atas, pertukaran huruf konsonan merupakan kesalahan paling banyak ditemui dalam draf penulisan pelajar. Jadual berikut merupakan keadaan pertukaran huruf konsonan, dapat dilihat bahawa huruf konsonan dalam perkataan sebenar telah mengalami pertukaran seperti pertukaran huruf /t/ yang ditukar penggunaanya menjadi huruf /g/ dalam perkataan ‘tinggal’ menjadi ‘ginggal’.

Jadual 2 Keadaan pertukaran huruf konsonan

Keadaan	Ejaan Sebenar	Kesalahan
Pertukaran huruf konsonan	tinggal	ginggal
	penduduk	penduluk
	kegemaran	kegemanan
	tujuh	tutuh
	fakulti	faculti
	tempat	tenpat
	bapa	baba
	nama	mama
bahasa	bahama	

Kemudian, diikuti dengan keadaan menggugurkan konsonan pada sesuatu perkataan. Jadual berikut merupakan keadaan pengguguran huruf konsonan, dapat dilihat bahawa huruf konsonan dalam perkataan sebenar telah mengalami pengguguran seperti pengguguran huruf /h/ dalam perkataan ‘kasih’ menjadi ‘kasi’.

Jadual 3 Keadaan pengguguran huruf konsonan

Keadaan	Ejaan Sebenar	Kesalahan
Pengguguran huruf konsonan	kasih	kasi
	cikgu	cigu
	bandar	banda
	tempat	empat
	putih	puti

Kemudian, diikuti dengan keadaan perubahan kedudukan huruf konsonan pada sesuatu perkataan. Jadual berikut merupakan keadaan perubahan kedudukan huruf konsonan, dapat dilihat bahawa huruf konsonan dalam perkataan sebenar telah mengalami perubahan kedudukan seperti perubahan huruf /m/ yang sepatutnya hadir selepas vokal /a/ menjadi selepas huruf vokal /a/ dalam perkataan ‘enam’ menjadi ‘enma’.

Jadual 4 Keadaan perubahan kedudukan huruf konsonan

Keadaan	Ejaan Sebenar	Kesalahan
Perubahan kedudukan huruf konsonan	enam	enma
	menarik	nemarik
	isteri	itseri

Kemudian, diikuti dengan keadaan penambahan konsonan pada sesuatu perkataan. Jadual berikut merupakan keadaan penambahan huruf konsonan, dapat dilihat bahawa huruf konsonan dalam perkataan sebenar telah mengalami penambahan seperti penambahan huruf /n/ dalam perkataan ‘juta’ menjadi ‘junta’.

Jadual 5 Keadaan penambahan huruf konsonan

Keadaan	Ejaan Sebenar	Kesalahan
Penambahan konsonan	juta	junta
	pelajar	pelatjar
	makanan	makannan
	negara	negrara
	rasmi	rasmmi

Berdasarkan contoh yang dipaparkan ini juga didapati terdapat satu bentuk kesalahan yang dilakukan terhadap huruf vokal turut dilakukan terhadap huruf konsonan, iaitu menukarkan huruf konsonan kepada huruf vokal. Berdasarkan analisis, terdapat dua perkataan ditemui merujuk kepada kesalahan tersebut, iaitu ‘wang’ dieja menjadi *uang* dan perkataan ‘keluarga’ yang dieja sebagai *keluaiga*.

## KESIMPULAN

Tuntasnya, kajian ini dilakukan apabila guru mendapati kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh pelajar adalah kerap setiap semester. Corak kesalahan yang dilakukan oleh pelajar juga bersifat 'sama'. Keadaan ini telah menarik minat pengkaji untuk melihat apa dan mengapa perkara ini berlaku? Selain itu, kajian ini juga dilakukan kerana pengkaji mendapati wujudnya permasalahan khususnya melibatkan penguasaan pelajar dalam menguasai kosa kata bahasa Melayu Malaysia sehingga pelajar menghadapi kesulitan untuk menguasainya. Kesukaran ini juga berlaku kepada guru kerana setiap pelajar yang berada dalam kelas memiliki tahap kemahiran penguasaan yang berbeza.

## PENGHARGAAN

Penulisan ini merupakan sebahagian daripada kajian penyelidikan dalam Geran Galakan Pengurusan dan Profesional (GGPP) dengan kod CITRA-2020-004.

## RUJUKAN

- Abdul Hamid Mahmood. 2007. *Kuasai Sistem Ejaan Baharu Bahasa Melayu Melalui Latihan*. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris
- Abisamra, N. 2003. *An analysis of errors in arabic speakers' english writings*. Diperoleh pada 20 Mac 2011 daripada <http://abisamra03.tripod.com/nada/languageacq-error-analysis.html>.
- Alice Lim. 2015. Bahasa Melayu sebagai bahasa asing: Kajian kes pelajar China di Universiti Malaysia Sabah. *Jurnal Kajian Pendidikan*, 5(2):157-168.
- Aman Shah Syed Ali, Zamri Mahamod & Mohammed Azlan Mis. 2021. Masalah murid etnik Bajau dalam pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. *Borneo International Journal* 4(3): 26-36.
- Amirra Shazreena Aminul Razin & Vijayaletchumy Subramaniam. 2019. Kesalahan Penggunaan Imbuhan Awalan dan Akhiran dalam Kalangan Murid Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Berdasarkan Teori Analisis Kesalahan Corder (1973). *International Journal of The Malay World and Civilisation* 7(1): 3-13.
- Amirul Mukminin Mohamad. 2023. Ujian '5 Minit Kosa Kata' - Perbandingan Ingatan Kosa Kata Bahasa Melayu antara Pelajar Prasiswazah dan Pelajar Pascasiswazah Asing UKM. In 9th *International Conference on Business Studies and Education (ICBE)*, 25 & 26 March 2023, vol. 44: 21-31.
- Angela Pamela Singi & Zamri Mahamod. 2019. Penggunaan cerita kartun untuk meningkatkan pencapaian kemahiran menulis jenis cerita murid Kenyah. *Proceeding: International Conference on Education, Language and Psychology (ICELP 2019)*: 167-178. Kelantan: Global Academic Excellence Sdn Bhd.
- Anne Jeffery Kihob & Saidatul Nornis Hj. Mahali. 2021. Kesalahan Ejaan dalam Kalangan Murid Sekolah Menengah di Daerah Tuaran, Sabah. *Jurnal Melayu* 20(1): 38-64.

- Argawati, N. O., & Suryani, L. 2020. Project-Based Learning in Teaching Writing: The Implementation and Students Opinion. *English Review: Journal of English Education* 8(2): 219-226. <https://doi.org/10.25134/erjee.v8i2.2120>.
- Azlan Shaiful Baharum. 2013. Kesalahan bahasa dalam penulisan berformat dalam kalangan Pelajar pengkhususan bahasa arab di institusi pengajian tinggi awam Malaysia. *Tesis Doktor Falsafah*. Fakulti Pengajian Bahasa Utama. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Azman Che Mat dan Goh, Y.S. 2010. Situasi pembelajaran bahasa asing di institut pengajian tinggi: Perbandingan antara Bahasa Arab, Bahasa Mandarin dan Bahasa Perancis. *Asean Journal of Teaching and Learning in Higher Education* 2 (2): 9-21.
- Bean, J. C & Dan Melzer. 2021. *Engaging Ideas: The Professor's Guide to Writing, Critical Thinking, and Active Learning in the Classroom*. New Jersey: John Wiley & Sons Publication.
- Brown, L. 2016. Overcoming communication challenges for international students: Preparing for successful academic transition. *Journal of International Students* 6(2): 457-473

NURUL ATIQA MD SUHADA\*  
Pusat Pengajian Citra Universiti  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA

AMIRUL MUKMININ MUHAMMAD  
Pusat Pengajian Citra Universiti  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA

DAING ZAIRI MA'AROF  
Pusat Pengajian Citra Universiti  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA

SOFIA AYUP  
Pusat Pengajian Citra Universiti  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA

\*Pengarang koresponden: [atiqahsuhada@ukm.edu.my](mailto:atiqahsuhada@ukm.edu.my)

Received: 4 July 2024 / Accepted: 21 November 2024 / Published: 15 December 2024